

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 1-2009

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 4 Julai 2005. Perayu telah mengemukakan permohonan kepada Responden menuntut pulang balik duti import yang sudah dibayar sebanyak RM14,798.96. Ketua Pengarah Kastam melalui surat bertarikh 18 Disember 2008 telah menolak permohonan Perayu di atas alasan Perayu tidak mematuhi syarat mengemukakan permohonan tersebut dalam masa tiga bulan seperti yang ditetapkan di dalam kelulusan pengecualian Perbendaharaan.
2. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 14 Januari 2009.

ISU

Alasan rayuan ialah tuntutan pulang balik patut dibenarkan kerana Perayu telah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kelulusan pengecualian Perbendaharaan.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967. Perayu telah menarik balik rayuan)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

10 Mac 2009